



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**HAD MASA BAGI KERUGIAN LARASAN
PERNIAGAAN YANG TIDAK DAPAT
DISERAP DIHANTAR KE HADAPAN**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2022

TARIKH PENERBITAN: 30 JUN 2022



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**HAD MASA BAGI KERUGIAN LARASAN
PERNIAGAAN YANG TIDAK DAPAT
DISERAP DIHANTAR KE HADAPAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2022
Tarikh Penerbitan: 30 Jun 2022**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**HAD MASA BAGI KERUGIAN LARASAN
PERNIAGAAN YANG TIDAK DAPAT
DISERAP DIHANTAR KE HADAPAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2022
Tarikh Penerbitan: 30 Jun 2022**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Penentuan Pendapatan atau Kerugian Larasan Perniagaan	2
6. Pendapatan Berkanun Perniagaan	3
7. Pendapatan Agregat	4
8. Pegangan Syer dalam Syarikat	5
9. Penentuan Pendapatan Bercukai	6
10. Had Masa Kerugian Larasan Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap Dihantar ke Hadapan	8
11. Peruntukan Khas	14
12. Penafian	18

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk memberikan penjelasan mengenai had masa bagi kerugian larasan perniagaan yang terbit daripada perniagaan seseorang yang belum diserap atau tidak dapat diserap dihantar ke hadapan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 8, 21, 21A, 33, 39, 40, 42, 43, 44, peruntukan khas berkaitan dengan seksyen 43, 44 dan Jadual 3.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.2 “Jumlah pendapatan”, berhubung dengan seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud jumlah pendapatan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.3 “Kerugian larasan”, berhubung dengan suatu punca dan suatu tempoh asas, bermaksud kerugian larasan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.4 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.5 “Pemastautin” bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 dan 8 ACP.
- 3.6 “Pendapatan agregat”, berhubung dengan seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan agregat yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.7 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.8 “Pendapatan larasan”, berhubung dengan suatu punca dan suatu tempoh asas, bermaksud pendapatan larasan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.9 “Syer biasa” bermaksud mana-mana syer selain daripada syer yang hanya memberi hak kepada apa-apa dividen pada –
 - (a) amaun tetap atau pada kadar peratusan tetap nilai syer; atau
 - (b) kadar peratusan tetap atas keuntungan syarikat.

- 3.10 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.11 “Tempoh asas”, berhubung dengan seseorang, suatu punca kepadanya dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas tersebut, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau seksyen 21A ACP.

4. Pengenalan

- 4.1 Orang, sama ada suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad atau milikan tunggal boleh menanggung kerugian lasaran perniagaan setelah memotong perbelanjaan yang dibenarkan daripada untung kasar perniagaan dalam suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran. Kerugian lasaran perniagaan tersebut boleh diserap sebagai tolakan daripada pendapatan lain yang diperoleh dalam tahun taksiran yang sama, seperti pendapatan daripada perniagaan lain, penggajian, faedah dan pendapatan sewa. Sekiranya pendapatan lain dalam tahun taksiran yang sama tidak mencukupi untuk menyerap kerugian lasaran perniagaan tahun semasa, kerugian lasaran perniagaan yang belum diserap atau tidak dapat diserap boleh dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya untuk dipotong daripada pendapatan perniagaan masa hadapan.
- 4.2 Berkuat kuasa tahun taksiran 2019, peruntukan baharu di bawah subseksyen 44(5F) ACP telah diperkenalkan melalui Akta Kewangan 2018 [*Akta 812*], untuk mengehadkan kerugian lasaran perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan yang terbit daripada suatu tahun taksiran yang berkaitan kepada tempoh tujuh (7) tahun taksiran yang berturutan.
- 4.3 Walau bagaimanapun, had masa kerugian lasaran perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan yang terbit daripada suatu tahun taksiran yang berkaitan telah dipinda daripada tempoh tujuh (7) tahun taksiran berturutan kepada sepuluh (10) tahun taksiran berturutan melalui Akta Kewangan 2021 [*Akta 833*] berkuatkuasa tahun taksiran 2019.

5. Penentuan Pendapatan atau Kerugian Lasaran Perniagaan

Pendapatan atau kerugian lasaran perniagaan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran ditentukan dengan memotong daripada pendapatan kasarnya apa-apa perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar semasa tempoh asas tersebut termasuklah apa-apa perbelanjaan khusus yang dibenarkan berkaitan dengan perniagaan tersebut.

5.1 Pendapatan lasaran perniagaan

Sekiranya pendapatan kasar perniagaan semasa tempoh asas melebihi perbelanjaan yang dibenarkan, ia akan menghasilkan pendapatan lasaran daripada punca perniagaan.

5.2 Kerugian larasan perniagaan

Sekiranya perbelanjaan yang dibenarkan semasa tempoh asas melebihi pendapatan kasar perniagaan, ia akan menghasilkan kerugian larasan daripada punca perniagaan dan pendapatan larasan daripada perniagaan tersebut disifatkan Tiada. Kerugian larasan perniagaan yang terbit dalam tahun semasa akan dipotong daripada pendapatan agregat untuk tahun taksiran tersebut dalam menentukan jumlah pendapatannya. [Subseksyen 44(2) ACP]

Sekiranya kerugian larasan perniagaan tidak dapat diserap atau diserap sepenuhnya dalam menentukan jumlah pendapatan bagi suatu tahun taksiran, kerugian tersebut akan dihantar ke hadapan untuk dipotong daripada agregat pendapatan berkanun daripada setiap punca yang terdiri daripada perniagaan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya. [Subseksyen 43(2), 44(4) dan 44(5) ACP]

Walau bagaimanapun, berkuat kuasa tahun taksiran 2019, terdapat had masa bagi kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan. Untuk penjelasan lanjut berkenaan had masa bagi kerugian larasan tahun semasa yang belum diserap atau tidak dapat diserap dihantar ke hadapan, sila rujuk perenggan 10 KU ini.

6. Pendapatan Berkanun Perniagaan

Pendapatan berkanun seseorang daripada punca perniagaan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran terdiri daripada -

- (a) jumlah pendapatan larasannya (jika ada) daripada punca perniagaan bagi tempoh asas untuk tahun yang berkaitan; dan
- (b) amaun dari –
 - (i) apa-apa kenaan imbalan atau amaun agregat dari kenaan imbalan;
 - (ii) apa-apa kenaan pertanian atau amaun agregat dari kenaan pertanian; dan
 - (iii) apa-apa kenaan hutan atau amaun agregat dari kenaan hutan,

berhubung dengan punca perniagaan untuk tahun yang berkaitan berdasarkan Jadual 3 ACP,

dikurangkan dengan apa-apa amaun elaun modal, elaun imbalan, elaun bangunan industri atau amaun agregat elaun berhubung dengan punca perniagaan untuk tahun yang berkaitan berdasarkan Jadual 3 ACP. [Seksyen 42 ACP]

7. Pendapatan Agregat

Pendapatan agregat seseorang bagi suatu tahun taksiran ditentukan seperti berikut –

7.1 Pengiraan pendapatan agregat

Pendapatan agregat seseorang bagi suatu tahun taksiran adalah -

- (a) agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan untuk tahun taksiran itu;

dikurangkan:

- (b) apa-apa kerugian larasan daripada perniagaan yang tidak dibenarkan dalam pengiraan jumlah pendapatan untuk tahun taksiran berkaitan,

ditambahkan:

- (c) pendapatan berkanun daripada setiap punca pendapatannya yang lain (bukan perniagaan) untuk tahun taksiran tersebut; dan
- (d) apa-apa penambahan yang akan dibuat untuk tahun yang berkaitan berhubung jumlah yang diterima dari operasi mencari menurut Jadual 4 ACP.

7.2 Ketiadaan pendapatan agregat

Sekiranya seseorang tidak mempunyai pendapatan agregat bagi tahun yang berkaitan, amaun dari apa-apa kerugian larasan daripada perniagaannya atau agregat dari apa-apa kerugian larasan daripada setiap perniagaannya bagi tempoh asas untuk tahun yang berkaitan hendaklah ditentukan supaya kerugian larasan atau agregat kerugian larasan daripada setiap punca yang terdiri daripada perniagaan tersebut boleh dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya dan dibenarkan sebagai potongan daripada agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan. [Subseksyen 44(4) ACP]

7.3 Pendapatan agregat yang tidak mencukupi

Sekiranya kerugian larasan atau agregat apa-apa kerugian larasan daripada setiap punca yang terdiri daripada perniagaan seseorang bagi tempoh asas untuk suatu tahun yang berkaitan melebihi pendapatan agregatnya, kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang diserap adalah bersamaan dengan amaun pendapatan agregat. Lebihan kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap hendaklah ditentukan supaya kerugian itu dapat dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya dan boleh dibenarkan sebagai potongan daripada agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan. [Subseksyen 44(5) ACP]

8. Pegangan Syer dalam Syarikat

Subseksyen 44(5A) ACP memperuntukkan bahawa kerugian larasan atau agregat kerugian larasan daripada setiap punca yang terdiri daripada perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan hanya dibenarkan untuk diserap dalam tahun taksiran itu dan tahun-tahun taksiran berikutnya sekiranya sebahagian besar pemegang syer syarikat adalah sama, atau dengan perkataan lain, tidak berlaku perubahan sebahagian besar pemegang syer syarikat.

Sekiranya berlaku perubahan sebahagian besar pemegang syer syarikat dalam tahun taksiran berkenaan, kerugian larasan perniagaan atau agregat kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dan dihantar ke hadapan itu, tidak dibenarkan diserap dalam tahun taksiran tersebut dan hendaklah diabaikan. Amaun yang diabaikan tidak dibenarkan sebagai potongan pada tahun-tahun taksiran berikutnya.

8.1 Pemegang syer sebahagian besarnya sama

Pemegang syer suatu syarikat adalah sebahagian besarnya sama sekiranya pemegang syer syarikat pada hari terakhir bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran yang berkaitan di mana amaun kerugian larasan perniagaan ditentukan adalah sebahagian besarnya sama dengan pemegang syer pada hari pertama bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di mana kerugian larasan dibenarkan sebagai potongan (dirujuk sebagai tarikh berkaitan), iaitu apabila -

- (a) lebih daripada lima puluh peratus (50%) modal berbayar berkenaan dengan syer biasa syarikat dipegang oleh atau bagi pihak orang yang sama; dan
- (b) lebih daripada lima puluh peratus (50%) nilai nominal syer yang diperuntukkan berkenaan dengan syer biasa syarikat dipegang oleh atau bagi pihak orang yang sama.

8.2 Syer yang dipegang oleh syarikat

Sekiranya perubahan sebahagian besar syer syarikat dipegang oleh atau bagi pihak syarikat yang lain, syer dalam syarikat yang dipegang oleh atau bagi pihak syarikat lain akan disifatkan dimiliki oleh pemegang syer syarikat lain tersebut.

[Subseksyen 44(5A), 44(5B), 44(5C) dan 44(5D) ACP]

8.3 Pengecualian pemakaian ujian pegangan syer

Subseksyen 44(5D) ACP memperuntukkan Menteri Kewangan boleh dalam keadaan khas membenarkan mana-mana syarikat yang mengalami perubahan sebahagian besar pemegang syernya menghantar ke hadapan

kerugian larasan perniagaan atau agregat kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap untuk digunakan dalam suatu tahun taksiran berkaitan dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Berkuat kuasa tahun taksiran 2006, Menteri Kewangan telah menetapkan sesebuah syarikat yang mengalami perubahan sebahagian besar dalam pemegang syer syarikat adalah dibenarkan menghantar ke hadapan kerugian larasan perniagaan terkumpul untuk diserap dalam tahun taksiran itu dan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya kecuali perubahan sebahagian besar pemegang syer yang berlaku dalam syarikat dormant.

Sesebuah syarikat dianggap dormant sekiranya tiada transaksi perakaunan yang signifikan dalam satu tahun kewangan sebelum berlakunya perubahan sebahagian besar dalam pemegangan ekuitinya. Ini bermaksud tiada catatan yang didaftarkan dalam akaun syarikat selain daripada perbelanjaan minimum yang diperlukan untuk memenuhi peruntukan undang-undang berkanun tertentu. Perbelanjaan minimum merujuk kepada perkara-perkara berikut -

- (a) memfailkan penyata tahunan syarikat kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (b) yuran setiausaha untuk memfailkan penyata tahunan syarikat;
- (c) yuran pemfailan cukai;
- (d) yuran audit; dan
- (e) yuran perakaunan.

9. Penentuan Pendapatan Bercukai

Penentuan pendapatan bercukai perlu mengikuti langkah-langkah berikut –

Butiran	RM	RM	Peruntukan ACP
Pendapatan kasar perniagaan I		XX	
Tolak:			
Peruntukan am	XX		Subseksyen 33(1)
Peruntukan khusus	XX		Seksyen 34, 34A, 34B, 34C dan 34D
		(XX)	
Pendapatan larasan daripada perniagaan I		XX	Seksyen 41
Tambah:			
Kenaan imbalan / kenaan pertanian / kenaan hutan		XX	Jadual 3

Butiran	RM	RM	Peruntukan ACP
Tolak: Elaun modal yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan / elaun modal tahun semasa / elaun imbalan / elaun bangunan industri / elaun hutan / elaun pertanian		(XX)	Jadual 3
Pendapatan berkanun daripada perniagaan I Tambah: Pendapatan berkanun daripada semua punca perniagaan		XX	Seksyen 42
Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan Tolak: Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan daripada tahun sebelum		XX	
Agregat pendapatan berkanun daripada punca-punca perniagaan Tambah: Pendapatan berkanun daripada punca selain perniagaan Amaun diterima berkaitan perbelanjaan cari gali		XX	
Pendapatan agregat Tolak: Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan Perbelanjaan mencari gali yang layak Perbelanjaan pra-operasi perniagaan Hadiah dan sumbangan	XX	XX	Seksyen 43
	XX		Subseksyen 44(2)
	XX		Jadual 4
	XX		Jadual 4B
	XX		Subseksyen 44(6), 44(6A), 44(8), 44(9), 44(10), 44(11), 44(11A), 44(11B), 44(11C) dan 44(11D)
		(XX)	


Butiran	RM	RM	Peruntukan ACP
Jumlah pendapatan (Pendapatan bercukai untuk syarikat) Tolak: Pelepasan individu		XX (XX)	Seksyen 44 Seksyen 45A, 46, 46B, 47, 48, dan 49
Jumlah pendapatan (Pendapatan bercukai untuk individu)		XX	Seksyen 45

10. Had Masa bagi Kerugian Larasan Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap Dihantar ke Hadapan

Berkuat kuasa tahun taksiran 2019, tempoh bagi kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang tidak dapat diserap yang timbul daripada suatu tahun taksiran hanya boleh dihantar ke hadapan terhad kepada sepuluh (10) tahun taksiran yang berturut-turut. Tempoh sepuluh (10) tahun taksiran yang berturut-turut bermula sejeurus selepas tahun taksiran kerugian larasan perniagaan terbit. Sebarang baki kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap setelah berakhirnya tempoh sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut hendaklah diabaikan.

Oleh itu, sekiranya kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap terbit dalam tahun taksiran 2019, had masa untuk kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan dapat diringkaskan seperti berikut –

**Kerugian Larasan Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap bagi Tahun Taksiran
2019 Dihantar ke Hadapan**



Contoh 1 - Kerugian Larasan Perniagaan Tahun Semasa yang Tidak Dapat Diserap

AB Sdn Bhd memulakan operasi perniagaannya dalam tahun 2017. Syarikat menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun. Butiran pendapatan syarikat dalam tahun taksiran 2019 adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan (Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan – RM400,000)	Tiada
Pendapatan berkanun daripada sewa	300,000

**Tahun Taksiran 2019
Pengiraan Pendapatan Bercukai**

Butiran	RM	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan (Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan - RM400,000)		Tiada
Pendapatan berkanun daripada perniagaan / Agregat pendapatan berkanun daripada punca-punca perniagaan		Tiada
Pendapatan berkanun daripada sewa		300,000
Pendapatan agregat		300,000
Tolak:		
Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan	400,000	
Kerugian larasan tahun semasa digunakan	(300,000)	(300,000)
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h (hingga TT2029)	100,000	
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai		Tiada

Kerugian larasan tahun semasa yang tidak dapat diserap daripada perniagaan sebanyak RM100,000 untuk tahun taksiran 2019 boleh dihantar ke hadapan dan digunakan ke atas pendapatan berkanun daripada perniagaan mulai daripada tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2029 sehingga kerugian tersebut diserap sepenuhnya. Sebarang baki kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap akan diabaikan mulai tahun taksiran 2030.

Contoh 2 - Kerugian Larasan Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap Dihantar ke Hadapan

Fakta adalah sama seperti Contoh 1 dan butiran pendapatan syarikat dalam tahun taksiran 2020 adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan (Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan – RM600,000)	Tiada
Pendapatan berkanun daripada sewa	250,000

**Tahun Taksiran 2020
Pengiraan Pendapatan Bercukai**

Butiran	RM	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan (Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan – RM600,000)		Tiada
Pendapatan berkanun daripada perniagaan / Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan		Tiada
Tolak:		
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap b/h daripada TT2019	100,000	
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap daripada TT2019 digunakan	Tiada	Tiada
¹ Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h daripada TT2019 (hingga TT2029)	100,000	
Agregat pendapatan berkanun daripada punca-punca perniagaan		Tiada
Pendapatan berkanun daripada sewa		250,000
Pendapatan agregat		250,000
Tolak:		
Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan	600,000	
Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan digunakan	(250,000)	(250,000)
² Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h (hingga TT2030)	350,000	
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai		Tiada

Nota

- ¹ Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap sebanyak RM100,000 yang dibawa ke hadapan daripada tahun taksiran 2019 dan belum digunakan dalam tahun taksiran 2020 boleh dihantar ke hadapan untuk digunakan ke atas pendapatan berkanun daripada perniagaan sehingga tahun taksiran 2029. Sekiranya kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap tersebut belum digunakan sepenuhnya sehingga tahun taksiran 2029, baki kerugian perniagaan yang tidak dapat diserap akan diabaikan mulai tahun taksiran 2030.
- ² Kerugian larasan tahun semasa yang tidak dapat diserap daripada perniagaan sebanyak RM350,000 untuk tahun taksiran 2020 boleh dihantar ke hadapan untuk diserap ke atas pendapatan berkanun daripada perniagaan mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2030 sehingga kerugian larasan tersebut diserap sepenuhnya. Sebarang baki kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap akan diabaikan mulai tahun taksiran 2031.

Contoh 3 - Kerugian Larasan Terkumpul Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap Dihantar ke Hadapan

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 2 dan butiran pendapatan syarikat dalam tahun taksiran 2021 adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan	45,000
Elaun Modal	Tiada
Pendapatan berkanun daripada sewa	325,000

**Tahun Taksiran 2021
Pengiraan Pendapatan Bercukai**

Butiran	RM	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan		45,000
Tolak: Elaun modal		Tiada
Pendapatan berkanun daripada perniagaan / Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan		45,000
Tolak:		
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap b/h daripada TT2019	100,000	
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap b/h daripada TT2020	350,000	

Butiran	RM	RM
³ Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap daripada TT2019 digunakan	450,000	(45,000)
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h	(45,000)	
[Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h daripada TT2019 (hingga TT2029)]	405,000	
⁴ [Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h daripada TT2020 (hingga TT2030)]	55,000	Tiada
Agregat pendapatan berkanun daripada punca-punca perniagaan	350,000	
Pendapatan berkanun daripada sewa		
Pendapatan agregat / Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai		
		325,000
		325,000

Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih kerugian larasan terkumpul perniagaan bagi suatu tahun taksiran, kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap yang terbit dalam tahun taksiran yang lebih awal hendaklah digunakan terlebih dahulu sehingga dapat diserap sepenuhnya dan diikuti dengan kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap yang terbit dalam tahun taksiran berikutnya.

Nota

- ³ RM45,000 daripada RM100,000 kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan daripada tahun taksiran 2019 akan digunakan terlebih dahulu dalam tahun taksiran 2021. Baki kerugian larasan perniagaan berjumlah RM55,000 boleh dihantar ke hadapan untuk digunakan ke atas pendapatan berkanun daripada perniagaan sehingga tahun taksiran 2029. Sebarang baki kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap akan diabaikan mulai tahun taksiran 2030.
- ⁴ Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap sebanyak RM350,000 yang dibawa ke hadapan daripada tahun taksiran 2020 dan belum digunakan dalam tahun taksiran 2021 boleh dihantar ke hadapan untuk digunakan ke atas pendapatan berkanun daripada perniagaan sehingga tahun taksiran 2030. Sebarang baki kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap hendaklah diabaikan mulai tahun taksiran 2031.

11. Peruntukan Khas


Berkuat kuasa tahun taksiran 2019, had masa untuk kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan adalah sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut. Walau bagaimanapun, peruntukan khas membenarkan –

- (a) apa-apa jumlah yang ditentukan di bawah subseksyen 44(4) atau 44(5) ACP untuk tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya yang belum dipotong menurut subseksyen 43(2) ACP bagi tahun taksiran 2018; atau
- (b) apa-apa jumlah yang ditentukan di bawah subseksyen 44(4) atau 44(5) ACP untuk tahun taksiran 2018,

untuk digunakan sebagai potongan ke atas pendapatan berkanun daripada punca perniagaan berdasarkan subseksyen 43(2) ACP untuk tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2028. Sebarang amaun yang belum digunakan selepas akhir tahun taksiran 2028 hendaklah diabaikan.

Dengan kata lain, kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan dari tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya, dan dari tahun taksiran 2018 dibenarkan untuk dihantar ke hadapan dan digunakan ke atas pendapatan berkanun perniagaan dari tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2028. Sebarang amaun yang belum digunakan dari kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap akan diabaikan mulai tahun taksiran 2029.

**Peruntukan Khas
Kerugian Larasan Terkumpul Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap
Sehingga Tahun Taksiran 2018 Dihantar ke Hadapan**



Contoh 4 - Peruntukan Khas - Kerugian Larasan Terkumpul Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap sehingga Tahun Taksiran 2018

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 1 dan kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap daripada tahun taksiran 2018 adalah RM120,000.

**Tahun Taksiran 2019
Pengiraan Pendapatan Bercukai**

Butiran	RM	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan (Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan - RM400,000)		Tiada
Pendapatan berkanun daripada perniagaan / Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan Tolak:		Tiada
Kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap b/h daripada TT2018	120,000	
Kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap daripada TT2018 digunakan	Tiada	Tiada
Kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap h/h daripada TT2018 (hingga TT2028)	120,000	
Agregat pendapatan berkanun daripada punca- punca perniagaan		Tiada
Pendapatan berkanun daripada sewa		300,000
Pendapatan agregat		300,000
Tolak:		
Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan	400,000	
Kerugian larasan tahun semasa digunakan	(300,000)	(300,000)
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h daripada TT2019 (hingga TT2029)	100,000	
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai		Tiada

Baki kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap sehingga tahun taksiran 2018 dan belum digunakan dalam tahun taksiran 2019 boleh dihantar ke hadapan sehingga tahun taksiran 2028. Sebarang baki kerugian tersebut akan diabaikan mulai tahun taksiran 2029. Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap untuk tahun taksiran 2019 boleh dihantar ke hadapan sehingga tahun taksiran 2029 dan sebarang baki kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap akan diabaikan mulai tahun taksiran 2030.

Contoh 5 – Peruntukan Khas - Kerugian Larasan Terkumpul Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap sehingga Tahun Taksiran 2018 yang Dihantar Hadapan Hendaklah Diserap Dahulu

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 4. Pendapatan berkanun daripada perniagaan untuk tahun taksiran 2020 adalah RM50,000 dan pendapatan berkanun daripada sewa adalah RM300,000.

**Tahun Taksiran 2020
Pengiraan Pendapatan Bercukai**

Butiran	RM	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan		50,000
Pendapatan berkanun daripada perniagaan / Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan		50,000
Tolak:		
Kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap b/h daripada TT2018	120,000	
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap b/h daripada TT2019	100,000	
	220,000	
⁵ Kerugian larasan terkumpul perniagaan daripada TT2018 digunakan	(50,000)	(50,000)
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h	170,000	
[Kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap h/h daripada TT2018 (hingga TT2028)]	70,000	
[Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h TT2019 (hingga TT2029)]	100,000	
Agregat pendapatan berkanun daripada punca- punca perniagaan		Tiada
Pendapatan berkanun daripada sewa		300,000
Pendapatan agregat / Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai		300,000

Nota

- ⁵ Kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap sehingga tahun taksiran 2018 yang dibawa ke hadapan daripada tahun taksiran 2019 hendaklah

digunakan terlebih dahulu dalam tahun taksiran 2020 sehingga dapat diserap sepenuhnya dan diikuti dengan kerugian yang terbit dalam tahun taksiran berikutnya. Sebarang baki kerugian larasan terkumpul perniagaan yang tidak dapat diserap untuk tahun taksiran 2018 dan tahun taksiran 2019 akan diabaikan mulai tahun taksiran 2029 (bagi kerugian larasan terkumpul perniagaan tahun taksiran 2018) dan mulai tahun taksiran 2030 (kerugian larasan terkumpul perniagaan tahun taksiran 2019).

12. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**